

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

1. Sila jelaskan pembangunan yang dilaksanakan di Pulau Jerejak, kedudukan terkini pembangunan dan konsep perlaksanaannya.
  - (a) Adakah terdapat kerja kuari di Pulau Jerejak dan namakan syarikat yang melaksanakannya.
  - (b) Sila jelaskan pemilik sah tanah di Pulau Jerejak.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) pada 30 Ogos 2016 telah meluluskan Pelan Induk Pembangunan Bercampur Bagi Lot-Lot PT 1962-1965 Serta Tanah Kerajaan "Petak A", "Petak B", "Petak C", Mukim 13, DTL, Serta Tanah Kerajaan, "Petak E", Mukim 12, DBD, Pulau Pinang di Pulau Jerejak Untuk Tetuan Tropical Island Resort Sdn.Bhd.

Lanjutan itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 20.03.2018 telah meluluskan Kebenaran Merancang kepada Tetuan Tropical Island Resort Sdn. Bhd. dan perlanjutan kedua telah diberikan sehingga 19.03.2021 bagi cadangan seperti berikut :-

- (a) Merobohkan sebuah hotel dan blok-blok kemudahan hotel;
- (b) Mendirikan pembangunan bercampur berfasa yang terdiri daripada:

### **Fasa 1:**

- (i) 1 blok hotel 10 tingkat (350 bilik) dengan tempat letak kereta 2 tingkat di paras *lower ground* 1-2; dan
- (ii) Sebuah rumah kelab 4 tingkat.

### **Fasa 2:**

Kemajuan masa hadapan untuk tujuan kediaman dan kedai/pejabat.

### **Fasa 3:**

- (i) 3 blok pangsapuri perkhidmatan 10 tingkat (450 unit) dengan tempat letak kereta 3 tingkat di paras *lower ground* 1-3; dan
- (ii) Kedai/pejabat 5 tingkat (60 unit) dengan tempat letak kereta 5 tingkat di paras *lower ground* 4

### **Fasa 4:**

- (i) 2 blok kondominium 10 tingkat (556 unit) dengan tempat letak kereta 3 tingkat di paras *lower ground* 1-3; dan
- (ii) Villa 4 tingkat (44 unit)

### **Fasa 5:**

- 1 blok pangsapuri perkhidmatan 10 tingkat (180 unit) dengan tempat letak kereta 2 tingkat di paras *lower ground* 1-2.
- (c) Cadangan tapak TNB seluas 28 meter persegi bagi tujuan gantian tanah untuk lot 6340 (keluasan lot 23 meter persegi).

Pemohon telah mengemukakan pembaharuan Pelan Bangunan yang pertama dan sedang diproses oleh MBPP. Justeru itu, *Commencement of Work* belum dikeluarkan oleh MBPP dan kerja-kerja di tapak masih belum dijalankan buat masa ini.

Selain itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang juga telah meluluskan Kebenaran Merancang kepada Tetuan Boustead Penang Shipyard Sdn Bhd. pada 20.8.2019 untuk cadangan membina 1 unit limbungan kapal, pencawang elektrik TNB dan tandas sediada di atas sebahagian lot 3222, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Jerejak, Pulau Pinang dan kerja-kerja tersebut telah dijalankan.

- a) Tiada kerja-kerja kuari yang dijalankan di Pulau Jerejak pada masa ini.
- b) Sebahagian besar tanah di Pulau Jerejak merupakan milik kerajaan negeri dan tanah yang diwartakan sebagai hutan simpan manakala sebahagian kecil daripada kawasan di Pulau Jerejak merupakan tanah milik persendirian.